

**NOVEL-NOVEL SHAHNON AHMAD DALAM PERSPEKTIF
ETNOGRAFI SEMANTIK
*SHAHNON AHMAD'S NOVELS IN SEMANTIC ETHNOGRAPHIC
PERSPECTIVE***

Azman Ismail

Fakulti Penulisan Kreatif,

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA),

Kuala Lumpur.

azman@aswara.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membuktikan kedudukan novel-novel Shanon Ahmad sebagai produk budaya masyarakat Melayu yang berhubung rapat dengan intelektual dan sistem sosial mereka. Sebagai produk budaya, karya-karya tersebut memuatkan wacana tentang sosiopolitik, psikososial dan sosioekonomi yang berkembang dalam masyarakat Melayu sejak pertengahan 1960-an hingga 1990-an. Kesemua unsur tersebut dimuatkan dalam sembilan buah novel iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), *Rentong* (1965), *Patriarch* (1991), *Terdedah* (1965), *Srengenge* (1974), *Seluang Menodak Baung* (1978), *Kemelut* (1977), *Tunggul-Tunggul Gerigis* (1989), *Igauan dan Cerita-Cerita Lain* (1996) yang menjadi fokus kajian ini. Berdasarkan kajian tekstual dan analisis kandungan, kesemua sembilan novel ini memuatkan bentuk-bentuk wacana intelektual dan fenomena-fenomena budaya yang dapat difahami dari perspektif teori etnografi semantik Goodenough (1957) sebagai perilaku-perilaku budaya yang terbentuk akibat daripada amalan kehidupan, adat resam dan sebagainya. Pada masa yang sama, kesemua novel ini berfungsi sebagai medium untuk memahami perilaku budaya masyarakatnya dengan persekitaran kehidupan

masing-masing. Dalam perspektif Goodenough, novel-novel ini menjadi medium untuk memahami bagaimana pengarang memperlihatkan cita-cita masyarakat Melayu dalam aspek psikososial, sosioekonomi dan sosiopolitik ketika berhadapan dengan sistem tertentu. Melalui karya-karya ini juga, dapat difahami tentang cara berfikir, struktur kebudayaan dan perilaku yang menjadi asas kepada pembentukan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat yang menjadi fokus kepada penulisan karya-karya Shanon.

Kata Kunci: Etnografi semantik, intelektual Melayu, wacana, produk budaya, perilaku budaya

ABSTRACT

This study intended to prove the position of Shanon Ahmad's novels as cultural products of the Malay community that reflected their intellectual and social systems. As cultural products, the novels included discourses on the sociopolitical, psychosocial and socio-economic developments of the Malay community since the mid-1960s to the 1990s. All of these elements are contained in nine novels: Ranjau Sepanjang Jalan (1966), Rentong (1965), Patriarch (1991), Terdedah (1965), Srengenge (1974), Seluang Menodak Baung (1978), Kemelut (1977), Tunggul-Tunggul Gerigis (1989), Igauan dan Cerita-Cerita Lain (1996) which became the subject of this study. Based on the textual and content analyses, these nine novels contain the forms of intellectual discourses and cultural phenomena that can be understood from the perspective of the Goodenough semantics of ethnographic theory (1957) as cultural behaviors formed as a result of the practice of life, customs and so on. At the same time, all of these novels can be a medium to understand the cultural behaviors of their communities in their living environment. In Goodenough's perspective, these novels became the medium to understand how the author shows the ideals of the societies in terms of psychosocial, socio-economic and sociopolitical aspects of dealing with established systems. Through these works, we understand the society's modes of thinking, its cultural

structures and behavior that have become the basis for the writing of Shahnnon's novels.

Keywords: Semantic ethnography, Malay intellectuals, discourse, cultural products, cultural behaviour

PENGENALAN

Karya sastera merupakan sebuah gambaran, dokumen sosiobudaya, falsafah serta sistem pemikiran sesebuah masyarakat. Secara langsung, sesebuah karya sastera memiliki peranan sebagai satu sistem intelektual, ideologi dan sistem nilai masyarakat yang menjadi latar kepada kelahiran sesebuah karya tersebut. Karya sastera dalam semua genre juga merupakan potret masyarakat yang difiksyenkan oleh pengarang sebagai gambaran bentuk, dan cara seseorang pengarang membicarakan atau mengupas segenap realiti masyarakatnya. Ia sangat berkait rapat dengan objektif penciptaan karya terutama isu-isu kepentingan dan pandangan dunia kolektif.

Sesebuah karya sastera turut berfungsi sebagai wacana oleh pengarang untuk melontarkan ideologi, pemikiran dan segenap suara masyarakat kepada elit-elit politik (*political elites*) demi kepentingan kolektif mereka. Kesan daripada keadaan ini, karya sastera secara langsung memiliki fungsi makna objektif (*objective meaning*), makna ekspresif (*expressive meaning*) dan makna dokumentari (*documentary meaning*) (Manheim, 1986:71-73). Dunia imaginatif yang dibina berdasarkan penafsiran dan pemaknaan kembali realiti yang dipengaruhi oleh intelektual, ideologi dan keinginan pengarang, sesuai dengan aspirasi masyarakatnya. Oleh itu, fakta-fakta juga difiksyenkan sesuai dengan keperluan struktur naratif yang dibina.

Meskipun difiksyenkan, fakta-fakta yang ada dalam sesebuah teks sastera tetap merupakan kenyataan sebenar yang masih mencerminkan perilaku budaya sesebuah masyarakat. Membaca karya-karya sastera dalam semua genre akan dapat memahami struktur kebudayaan setiap suku kaum, etnik atau bangsa yang diwakili oleh seseorang pengarang. Ini kerana teks

sastera merupakan sebahagian daripada proses berfikir, perilaku-perilaku sosiobudaya, sosiopolitik, sosioekonomi, pertembungan kelas sosial dan sebagainya. Kenyataan ini bermaksud, karya sastera merupakan produk intelektual, kebudayaan dan pemikiran sesebuah sistem sosial yang terhasil daripada kepintaran, kesepakatan kolektif dan pemikiran awam. Melalui karya-karya ini, dapat difahami tentang cara berfikir, struktur kebudayaan dan perilaku yang menjadi asas kepada pembentukan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat, etnik atau bangsa.

Pengetahuan dalam konteks ini harus difahami dalam konteks luas yang tidak terhad kepada sains atau teknologi sahaja. Ia juga merangkumi aspek kebudayaan, bahasa, kesenian, sistem kepercayaan, komunikasi, falsafah dan lain-lain yang berkembang dalam kelompok, etnik atau bangsa lain (Sturtevant, 1964: 22-23). Elemen-elemen ini dapat difahami dan diteliti melalui pendekatan etnografi. Disiplin ini dapat difahami sebagai satu kajian tentang kehidupan, kebudayaan dan hubungan-hubungannya dengan perilaku-perilaku sosial, adat-istiadat, perundangan, kesenian, kesusasteraan, sistem kepercayaan, bahasa dan sebagainya yang dimiliki oleh sesebuah etnik atau kaum.

Hubungan secara langsung etnografi dengan aspek kajian bahasa, kesenian, sistem kepercayaan dan segala perilaku sesebuah masyarakat telah meletakkan bidang ini sebagai sebahagian daripada disiplin antropologi kognitif (*cognitive anthropology*) yang turut dikenali sebagai antropologi baharu (Spradley, 1979: 71-73). Antropologi kognitif merujuk kepada bentuk-bentuk budaya yang berkembang dalam pemikiran sesebuah masyarakat yang merupakan asas kepada pembentukan ilmu pengetahuan, keupayaan berfikir, pembinaan pandangan dunia serta hal-hal yang berkaitan dengan pemikiran awam kelompok tersebut.

Disiplin etnografi juga berkait rapat dengan kajian untuk memahami produk-produk intelektual dan kebudayaan yang dihasilkan oleh sesebuah bangsa, etnik, suku kaum dan sebagainya. Produk ini sinonim dengan struktur budaya, memiliki ciri khusus, tersendiri dan bersifat autonomi. Ia bermaksud, produk-produk ilmu pengetahuan yang bedrupakan produk budaya seperti karya

sastera, terbentuk oleh acuan dan kerangka berfikir, struktur budaya, pandangan dunia dan pemikiran awam sesebuah kelompok, etnik bangsa atau suku kaum tertentu tersebut. Penelitian etnografi terhadap novel-novel terpilih oleh Shanon Ahmad merupakan salah satu contoh untuk memahami kedudukan intelektual, perilaku-perilaku sosial dan produk budaya masyarakat Melayu yang menjadi latar sosial dalam penciptaan teks-teks tersebut. Unsur-unsur ini dikaitkan dengan beberapa aspek seperti pertembungan antara golongan miskin-kaya, Islam-kepercayaan mistik dan kelas marginal-elit birokrasi.

Pengertian Umum Etnografi

Istilah etnografi terbentuk daripada perkataan Greek *ethos* dan *graphein* yang merujuk kepada bangsa atau etnik dan huraian atau tulisan. Gabungan kedua-dua perkataan ini membentuk makna tulisan tentang sesebuah bangsa. Oleh itu, etnografi dapat disimpulkan sebagai kajian tentang kehidupan, perilaku dan pemikiran kebudayaan sesebuah bangsa atau etnik (Richards, 1985: 11-14). Etnografi merupakan embrio daripada disiplin antropologi yang berkembang sejak tahun 1800-an yang muncul ketika para penjelajah, pedagang serta intelektual Eropah membuat pelayaran ke negara-negara Afrika, Timur dan Nusantara bagi tujuan ekonomi (menguasai perdagangan rempah) dan memperluaskan tanah-tanah jajahan. Kelompok ini membuat catatan tentang perilaku kebudayaan dan kesenian serta pelbagai fenomena masyarakat yang ditemui terutama dalam aspek bahasa, kesenian, adat istiadat, perilaku sosial, ketamadunan, penciptaan alat-alat pertanian, ritual kepercayaan dan lain-lain.

Pada peringkat awal perkembangannya, tumpuan bidang etnografi ialah dalam aspek sastera lisan yang berkembang dalam masyarakat Nusantara, Afrika dan Asia Timur yang dikenali sebagai etnografi pertuturan (*ethnography of speaking*). Ia seterusnya berkembang merangkumi aspek komunikasi yang lebih luas iaitu tulisan (*writing*), komunikasi isyarat (*gesture*) dan simbol (*sign*) (Richards, 1985: 12-14). Elemen-elemen ini ditakrifkan dalam

pengertian etnografi sebagai ilmu pengetahuan dan produk-produk budaya setiap suku kaum atau etnik yang berbeza dengan dengan kumpulan-kumpulan lain. Dalam skop yang lebih luas, bidang ini dapat difahami sebagai satu penyelidikan tentang perbezaan-perbezaan produk-produk kesenian dan kesusasteraan antara sesebuah etnik dengan etnik yang lain.

Berdasarkan pemahaman yang lebih spesifik, etnografi akan membolehkan pemahaman terhadap makna sesebuah karya sastera dalam konteks objektif, pencapaian, ketamadunan dan kekuatan intelektual sesebuah masyarakat, etnik dan sebagainya. Ia secara langsung dapat menyediakan satu kaedah yang sistematik untuk memahami elemen-elemen tersebut yang dihubungkan dengan perilaku-perilaku budaya mereka. Penggunaan istilah etnografi pertuturan diperkenalkan oleh ahli antropologi Amerika Syarikat, Dell Hymes pada tahun 1960-an yang kemudiannya berkembang sebagai etnografi komunikasi. Ia disesuaikan dengan skop etnografi yang semakin berkembang, tidak hanya dalam aspek pertuturan, tetapi juga tulisan, perilaku serta pemikiran masyarakat dalam bahasa.

Hymes (1974: 56) mentakrifkan etnografi komunikasi sebagai kajian yang merangkumi aspek komunikasi dan etnografi sesebuah etnik. Ia bermaksud, bagaimana bidang komunikasi yang menggunakan bahasa dan tulisan berfungsi sebagai alat komunikasi, penyampaian ideologi serta gagasan sesebuah suku kaum, etnik atau kelompok sosial tersebut. Beliau tidak memisahkan komunikasi kepada unit-unit atau elemen-elemen tertentu dalam komunikasi. Sebaliknya, ia tertumpu kepada keseluruhan bahasa sama ada aspek linguistik, psikologi, sosiologi, etnologi, produk-produk bahasa dan sebagainya. Ia bermakna, dalam pemahaman etnografi komunikasi, bahasa harus difahami secara keseluruhan melalui tulisan, pertuturan dan karya.

Penciptaan karya berdasarkan sesebuah bahasa dalam perspektif Hymes harus melengkapinya objektif, simbol bahasa, struktur dan penerima teks atau pembaca. Hubungan antara pengarang dan pembaca melalui medium sastera ini akan memunculkan wacana-wacana tertentu pengarang berkaitan

kepentingan pribadi dan khalayaknya. Akhirnya, karya sastra dalam semua genre secara langsung akan berfungsi medium komunikasi untuk membentuk daya intelektual yang signifikan dengan pandangan-pandangan pengarang dan sistem sosial yang diwakilinya. Hal ini digariskan oleh Hymes sebagai sebahagian daripada sistem intelektual dan ciri khas sesebuah sistem kebudayaan kelompok masyarakat tersebut. (1974:61-63).

Pada masa yang sama, intelektualiti yang dikemukakan oleh seseorang pengarang tentang pelbagai isu yang berkembang dalam masyarakatnya dapat berfungsi sebagai simbol dan kod komunikasi yang mencerminkan identiti, ideologi dan kedudukan sesebuah kelas sosial pengarang serta khalayaknya. Kedudukannya sebagai satu entiti untuk memperkatakan hubungan antara hubungan antara sesebuah kelompok dengan produk kebudayaan serta kesenian, membolehkan etnografi ditafsirkan dalam pelbagai perspektif. Terdapat beberapa penafsiran lain tentang etnografi, misalnya Roger M. Keesing (1989:250) mendefinisikan etnografi sebagai pendokumentasian dan analisis budaya tertentu melalui penyelidikan-penyelidikan lapangan untuk melihat serta memahami bentuk-bentuk ilmu pengetahuan serta intelektual yang berkembang dalam sesebuah masyarakat. Le Clompte dan Schensul (1999: 18-21) pula mentakrifkan, etnografi sebagai pendekatan dalam penyelidikan untuk memahami pengetahuan dan intelektualiti yang berkembang dalam sesebuah masyarakat, bangsa, etnik dan kelompok sosial berdasarkan produk-produk budaya yang dihasilkan.

Pendekatan dalam Etnografi

Umumnya dalam disiplin etnografi terdapat dua pendekatan untuk memahami kedudukan sesebuah masyarakat dalam hubungannya dengan teras intelektual yang berkembang. Kedua-dua pendekatan tersebut ialah pendekatan prosesual (*processual approach*) dan pendekatan ekologi (*ecological approach*). Pendekatan prosesual merujuk kepada kaedah memahami sesebuah masyarakat, etnik atau suku kaum dari perspektif peristiwa-peristiwa yang

membentuk satu proses dan seterusnya menghasilkan satu sistem intelektual, ideologi, perubahan, penciptaan dan jati diri sesebuah kaum (Moore, 1999: 48-50).

Proses pembentukan ini bermula dengan mengadaptasi peristiwa-peristiwa besar yang berlaku dalam sesebuah sistem sosial tersebut berdasarkan kepentingan masyarakat dan pengarang. Akhirnya, di tangan seseorang pengarang akan terbentuk satu wacana kemasyarakatan, kemanusiaan, ekonomi, politik dan sebagainya melalui proses fiktif dan imaginasi. Pendekatan ekologi sebagai salah satu kaedah dalam bidang etnografi pula berkembang sejak 1930 apabila Julian H. Steward menghasilkan satu tulisan pendek, *The Economic and Social Basis of Primitive Bands*. Inti utama yang diketengahkan dalam tulisan ini ialah interaksi budaya dan persekitaran yang dapat dianalisis sebagai satu bentuk sebab-akibat melalui perspektif ekologi budaya.

Hubungan sebab-akibat (*causality*) dalam perspektif ini merujuk kepada satu pemahaman bahawa perilaku-perilaku budaya dalam sesebuah masyarakat, sangat berhubung rapat dengan persekitaran mereka. Dalam pengertian yang paling mudah, hubungan dua hala antara persekitaran dan manusia akan membentuk perilaku-perilaku budaya masyarakat seperti apa yang ada di persekitaran mereka. Oleh itu, fokus pendekatan ekologi dalam kajian etnografi ini bertujuan menemukan hubungan antara struktur sosial dengan kebudayaan. Dalam konteks ini, persekitaran akan mempengaruhi atau menentukan perilaku serta gerak kerja sesebuah masyarakat. Pengaruh yang berterusan ini akan membentuk satu kebudayaan teras yang akhirnya menjadi inti kepada pembinaan intelektual sesebuah etnik atau sistem sosial mengikut acara persekitaran masing-masing.

Kesusasteraan sesebuah etnik atau kaum pula misalnya, merupakan satu usaha yang dibuat oleh seseorang pengarang untuk menghubungkan kebudayaan teras dengan persekitarannya (kepentingan-kepentingan khalayak). Hubungan sebab-akibat ini akan mewujudkan satu ciri khusus intelektual budaya yang akan berbeza dengan etnik-etnik lain. Faktor utama perbezaan ini disebabkan oleh pembentukan kebudayaan teras yang terbina

daripada pandangan dunia (*world view*) dan kesepakatan awam (*common sense*) yang ada dalam setiap etnik atau kaum tersebut. Dengan kata lain, perbezaan-perbezaan tersebut sangat dipengaruhi oleh prosesus dan faktor persepsi yang dikemukakan oleh pengarang dalam karya. Pendekatan etnografi semantik yang dikemukakan oleh Ward H. Goodenough muncul sebagai salah satu pendekatan yang sangat terkenal terutama dalam memperkatakan hubungan antara budaya dan pemikiran masyarakat. Antara lain, beliau menekankan bahawa, produk-produk budaya merupakan sebahagian daripada penafsiran perilaku-perilaku sosial yang membentuk entiti budaya sesebuah masyarakat.

Pendekatan Etnografi Semantik Goodenough

Istilah semantik dalam disiplin linguistik merujuk kepada ilmu tentang makna yang ada sesebuah perkataan atau kalimat. Perkataan ini berasal daripada bahasa Greek iaitu *sema* yang merujuk kepada tanda (*sign*). Ia pertama kali digunakan oleh ahli filologi Perancis, Micheal Breal pada tahun 1883. Bidang ini kemudiannya muncul sebagai salah satu ilmu terpenting dalam bidang linguistik yang berkaitan dengan ilmu tentang makna atau maksud sesebuah perkataan. Semantik dalam hal ini secara langsung berada menjadi salah satu daripada tiga elemen dalam analisis bahasa bersama bidang fonologi dan gramatik (Abdul Chaer, 1994: 2-3).

Aliran etnografi semantik yang dikemukakan oleh Goodenough pula mengemukakan satu takrifan etnografi yang merangkumi aspek yang lebih luas dan menyeluruh. Antara lain beliau menggunakan definisi serta sudut pandangan kebudayaan yang berbeza dengan paradigma-paradigma lain dalam disiplin tersebut. Berdasarkan etnografi semantik ini, produk etnografi cenderung kepada produk yang bersifat *soft skill* yang dihasilkan oleh sesebuah etnik, bangsa dan sebagainya yang bersifat internal yang merangkumi aspek emosi, psikologi dan bagaimana anggota masyarakat mentafsir sesuatu.

Ethography does not consist of things, people, behavior or emotions. It is rather the organization of these things. It is the forms of things that people have in mind, their models for perceiving, relating and otherwise interpreting them as such. The things that people say and do, their social arrangement and events are products or by products of their culture as they apply it to the task of perceiving and dealing with their circumstances.

(Goodenough, 1957: 36)

Goodenough berpendapat bahawa semua elemen yang digambarkan dalam produk-produk kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan merupakan simbol-simbol yang hidup atau berkembang dalam masyarakat yang dikaitkan dengan nilai, pemikiran, akal budi dan sebagainya. (Goodenough, 1961: 76-77). Beliau turut menyimpulkan bahawa produk-produk kebudayaan dan kesenian yang dimiliki oleh sesebuah kelompok sosial ini menjadi identiti khusus kepada kebudayaan sesebuah masyarakat yang berbeza dengan masyarakat lain, terutama aspek-aspek yang berkaitan dengan unsur bahasa, linguistik dan pola komunikasi.

Etnografi semantik Goodenough dapat disimpulkan sebagai satu aliran yang sangat dekat dengan bidang kebahasaan dan kesusasteraan. Karya-karya sastera dalam wacana semantik ini lebih terarah untuk memahami perilaku-perilaku budaya sesebuah masyarakat yang digarap oleh seseorang pengarang melalui karya-karya mereka. Perbezaan bentuk budaya antara kelompok ataupun sub kelompok dengan yang lain, sangat dipengaruhi oleh faktor kebudayaan yang diamalkan. Ini disebabkan adanya fenomena budaya dan sosial yang menjadi identiti khas kelompok tersebut yang berkembang melalui simbol-simbol bahasa (linguistik), akal budi, perilaku sosial dan sebagainya.

Fenomena-fenomena yang berkembang dalam sesebuah sistem sosial adalah mengikut acuan dan asas yang sangat dipengaruhi oleh kedudukan geografi, pemikiran masyarakat, latar belakang etnik, bahasa serta faktor-faktor mikro, iaitu sistem

kepercayaan, nilai, moral dan akal budi. Faktor-faktor ini akan mempengaruhi cara hidup sesebuah masyarakat, pandangan dunia dan pemikiran awam yang akan membentuk identiti yang berbeza dengan budaya, kedudukan data kognitif dan pembentukan sistem pengetahuan dengan kelompok-kelompok lain.

Berdasarkan perspektif etnografi semantik Goodenough, setiap teks sastera tersebut merupakan satu produk ilmu pengetahuan yang merangkumi cara berfikir, cara mempersepsi dan cara memandang sesebuah fenomena yang berkembang dalam sesebuah masyarakat. Bagi menganalisis karya-karya Shahnon, pandangan-pandangan etnografi semantik Goodenough akan digunakan bertujuan melihat dan memperhalusi kedudukan karya-karya tersebut sebagai satu produk kebudayaan yang dikaitkan dengan pernyataan sosioekonomi, sosiopolitik dan psikososial masyarakat Melayu.

Karya-karya sastera dalam pemahaman etografi semantik juga dapat ditafsir sebagai perilaku masyarakat yang dikaitkan aktiviti serta struktur kebudayaan mereka. Ia bermakna struktur naratif yang dibina dalam sesebuah teks merupakan acuan pengetahuan, ideologi, pandangan dunia dan intelektual masyarakat. Ia bererti memahami kedudukan sesebuah teks untuk melihat bagaimana citra-citra budaya dan sistem pengetahuan kelompok masyarakat dalam latar masa, latar tempat dan latar sosial yang digarap oleh seseorang pengarang.

Pengarang sebagai pencerita (*narrator*) akan membina struktur naratif yang menggabungkan peristiwa-peristiwa realiti yang difiksyenkan sebagai gambaran keseluruhan proses produksi, transformasi dan perilaku budaya yang secara langsung menjadi unsur utama kepada pembentukan sistem pengetahuan sesebuah masyarakat. Ciri khusus pada sesebuah produk budaya (novel-novel Shahnon) berdasarkan etnografi semantik Goodenough ialah data-data kognitif yang berkaitan dengan peralaku sosial, ekonomi dan politik. Unsur-unsur ini kemudiannya dihubungkan dengan perilaku budaya, konflik dan proses mental yang berlaku dalam masyarakat yang menjadi tema sesebuah karya.

Elemen perilaku budaya, konflik dan proses mental dibina oleh Shahnnon melalui watak-watak manusia yang marginal, terpinggir, berkonflik secara psikologi. Pada sisi lain diwujudkan watak yang antagonis seperti tokoh-tokoh politik, elit-elit kekuasaan, golongan kaya. Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) oleh Shahnnon Ahmad misalnya merupakan cerminan data-data kognitif masyarakat, di Kampung Banggul Dedap, Kedah khususnya dan Malaysia umumnya yang masih bertatih untuk keluar daripada kepompong kemelut ekonomi pasca Merdeka 1957. Shahnnon dalam novel tersebut memberi gambaran tentang keperitan dan kesukaran ekonomi melalui watak-watak yang dibina dalam kerangka budaya Melayu 1960-an yang berorientasikan pertanian, elemen realisme magis dan struktur sosial masyarakat yang homogen.

Homogen dalam konteks ini merujuk kepada satu deskripsi secara naratif oleh Shahnnon tentang ciri-ciri masyarakat Melayu di Kedah khasnya dan Malaysia umumnya pada dekad 1960-an. Ia mencerminkan satu karakter kebudayaan dan sistem pengetahuan yang berbeza dengan masyarakat lain. Jika diperhalusi, struktur naratif yang dibina oleh Shahnnon dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* merupakan pernyataan yang boleh dinilai dan sahih tentang satu identiti khusus masyarakat Melayu desa yang sarat dengan ciri-ciri kemiskinan serta pelbagai kepayahan hidup pada era pascamerdeka.

Elemen data kognitif dalam perspektif etnosains yang dikaitkan sistem sosial masyarakat Melayu dan struktur kebudayaan mereka tersebut digambarkan melalui watak-watak seperti Lahuma, Jeha dan tujuh anak mereka, iaitu Senah, Kiah, Jenab, Lebar, Semek dan Milah. Keluarga ini menjadi simbol pandangan dunia masyarakat Melayu pada dekad tersebut. Isu yang sama dikemukakan oleh Shahnnon dalam novel *Srengenge* (1973) dan *Tunggul-Tunggul Gerigis* (1988), Shahnnon secara langsung membina satu wacana etnografi melalui simbol-simbol budaya masyarakat Melayu yang difiksyenkan. Antara lain, isu-isu konflik dan pertentangan pendapat berkaitan agama (Islam) dan isu-isu mistik yang berkembang dalam masyarakat Melayu perdesaan.

Ketika Shahnnon menghasilkan novel *TV* (1995), Shahnnon melukiskan satu struktur budaya masyarakat Melayu perbandaran yang dipengaruhi oleh teknologi yang disimbolkan melalui televisyen yang menjadi punca kepada berlakunya kepincangan agama terutama sumbang mahram dan pelanggaran terhadap syariat Islam. Begitu juga ketika, Shahnnon menghasilkan novel *Tunggul-Tunggul Gerigis* (1989), beliau menggambarkan satu pandangan dunia psikososial Melayu melalui data-data kognitif budaya yang membentuk persepsi budaya masyarakat. Watak seperti Su Usul dalam novel digunakan oleh Shahnnon untuk mengemukakan sistem tanda yang mempunyai peranan tertentu dalam pembinaan naratifnya.

Berdasarkan perspektif semantik, sistem tanda ini mempunyai peranan dalam proses komunikasi. Membaca *Tunggul-Tunggul Gerigis*, secara langsung membawa pembaca kepada sebuah dunia nyata yang disebut sebagai dunia refrensial, iaitu latar imaginatif yang bersumber daripada sebuah dunia realiti pengarang (Luxemberg, 1989: 11-13). Latar-latar imaginatif yang dibina oleh Shahnnon dalam novel-novel awalnya ini dalam perspektif etnografi semantik Goodenough dapat difahami sebagai kajian terhadap objek-objek peristiwa, fenomena-fenomena kebudayaan yang berkembang dalam masyarakat Melayu di Kedah sekitar 1960-an hingga 1980-an.

Novel-novel Shahnnon dalam Perspektif Etnografi

Berdasarkan pemikiran Goodenough, wacana etnografi semantik dalam novel-novel Shahnnon dapat dibahagikan kepada beberapa aspek, iaitu etnografi ekonomi, etnografi sosiobudaya, etnografi sosiopolitik, dan etnografi psikososial. Unsur-unsur ini dikaitkan dengan perilaku-perilaku budaya masyarakat yang menjadi latar sosial dalam novel-novel beliau yang dikaitkan dengan kelas-kelas marginal Melayu, elit-elit politik serta aristokrat Melayu, kelas kapitalisme dan kelompok-kelompok agama. Melalui pembinaan produk-produk budaya (novel), Shahnnon menggerakkan satu wacana yang mempertemukan kelompok-kelompok dalam persoalan-

persoalan politik, ekonomi dan sosial. Akhirnya karya-karya ini menjadi landasan Shahnnon untuk membina satu pemikiran yang mengarah kepada kritikan dan teguran terhadap pelbagai sistem yang berkait rapat dengan ketiga-tiga unsur tersebut.

Etnografi Sosioekonomi

Secara umumnya, etnografi ekonomi merujuk kepada pernyataan pengarang terhadap isu-isu sosioekonomi yang berkembang dalam masyarakat di negara ini. Isu-isu tersebut dikembangkan dalam wacana tentang kemiskinan, tamak, perampasan hak, penindasan dan sebagainya sebagai satu gambaran etnografi yang dimuatkan dalam teks-teks sastera Melayu. Elemen-elemen etnografi sosioekonomi dalam novel-novel Melayu ini merupakan gambaran hubungan aspek ekonomi dan pembinaan satu sistem budaya yang saling berkait rapat. Perilaku-perilaku budaya para watak menjadi medium kepada pengarang sebagai pernyataan intelektual ekonomi. Ia bermaksud, wujud hubungan dua hala antara ekonomi dan kemasyarakatan yang dimanfaatkan oleh pengarang untuk tujuan-tujuan tertentu.

Shahnnon Ahmad dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* misalnya telah membina jaringan ini untuk memperlihatkan keperitan-peripitan sosio ekonomi masyarakat di kampung Banggul Derdap di Sik, Kedah melalui watak-watak kelas marginal Melayu yang diwakili oleh keluarga Lahuma dan Jeha.

Tuk penghulu di sebelah utara hanya menggunakan traktor, tetapi Lahuma tidak merasai apa-apa. Bendang Tuk pengulu hampir-hampir 60 relung. Long Kadim tidak hairan juga. Bendangnya 50 relung. Kesemuanya di baharuh yang dalam. Tetapi Lahuma cukup puas hati dengan sehari dua ini. Bendangnya cuma 14 relung saja. Cukup kalau menajak dan mencangkul sahaja. Lagipun kalau menggunakan trektor akan makan banyak ringgit.

(Shahnnon Ahmad, 1966: 79).

Perbandingan kepemilikan luas relung dalam konteks ini berhubung rapat dengan isu-isu-isu sosioekonomi dan strata kelas-kelas ekonomi dalam masyarakat luar bandar Melayu pascamerdeka. Watak Tuk Penghulu mewakili elit-elit ekonomi Melayu manakala keluarga Lahuma menjadi simbol kepada kelas-kelas marginal. Lahuma dan Jeha juga dicipta oleh Shahnnon sebagai peta semantik untuk mengungkapkan satu struktur budaya masyarakat Melayu sekitar penghujung 1960-an dengan krisis-krisis ekonomi terutama kemiskinan, kekurangan teknologi dan persoalan dikotomi dalam kalangan masyarakat Melayu.

Hubungan antara subjek (persoalan dalam karya) dalam wacana Goodenough dapat difahami sebagai satu deskripsi semantik untuk menjelaskan hubungan struktur sosial dan isu-isu kebudayaan yang berkembang dalam masyarakat melalui pembinaan struktur naratif. (1957: 38-41). Dilema dan isu-su tersebut difiksyenkan engan kata lain, isu-isu dalam kehidupan masyarakat Melayu dekad 1960-an difiksyenkan dalam wacana semantik sebagai pernyataan intelektual tentang isu-isu tersebut. Oleh itu, pembinaan watak Lahuma, Jeha dan beberapa orang lagi dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* adalah peta kognitif mengenai masyarakat Melayu pada era tersebut. Berdasarkan pandangan-pandangan Goodenough, pernyataan sosioekonomi yang dibina oleh Shahnnon tersebut dapat difahami sebagai sebuah sistem pengetahuan yang diperolehi melalui proses kognitif. Oleh itu, intelektual dalam pemahaman Goodenough bukanlah merupakan fenomena semulajadi tetapi terbentuk hasil daripada hubungan pengalaman budaya dan elemen kognitif (Goodenough, 1957: 167).

Goodenough dalam *Comment on Cultural Evolution*, menjelaskan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh sesebuah suku kaum, etnik dan sebagainya dapat difahami sebagai satu kayu ukur untuk memahami perilaku-perilaku dan fenomena-fenomena yang diketengahkan secara semantik dengan tujuan-tujuan tertentu oleh pengarang. Persoalan yang sama turut diketengahkan oleh Shahnnon dalam novel pertamanya, *Rentong* (1966) yang mengangkat isu-isu sosio-ekonomi masyarakat perdesaan yang marginal yang dikaitkan

dengan kemiskinan, pertembungan dengan alam serta konflik-konflik antara manusia akibat ekonomi.

Pernyataan sosio-ekonomi telah dibina oleh Shahnnon dalam novel ini melalui tajuk-tajuk bab, iaitu “Jamung”, “Kerbau Jantan Terluka”, “Melarat Hingga ke Senja”, “Jelaga Hitam” dan “Harimau”. Secara semantik, kelima-kelima elemen ini menjadi kayu ukur untuk memberi kefahaman kepada perilaku-perilaku budaya masyarakat Melayu dekad 1960-an (Umar Junus, 2007: 43-50). Gambaran-gambaran secara semantik oleh Shahnnon antara lain diketengahkan melalui ungkapan polemik-polemik sosioekonomi dan sosiobudaya:

“Pak Kasa bukan punca keganasan itu. Semaun belum tentu menakik keting. Cuma kita menuduhnya. Kalaupun dia, dia bukan punca pergaduhan. Yang bertanggungjawab adalah keadaan mereka. Mereka tak pernah bergaul dengan orang. Mereka tak pernah bermufakat dengan orang”

(Shahnnon Ahmad, 1965: 10).

Perilaku-perilaku budaya oleh watak protagonis dan antagonis yang dikemukakan oleh Shahnnon dalam *Rentong* tersebut dari perspektif etnografi semantik Goodenough dapat difahami sebagai satu peraturan dan ketentuan yang berlaku dalam masyarakat. Ia bermakna, pengarang mencipta dunia kreatif berdasarkan perilaku-perilaku tersebut berdasarkan keupayaan intelektual masing-masing.

Goodenough meletakkan perilaku-perilaku budaya secara epistemologi berada dalam ruang yang sama dengan sesebuah bahasa yang dituturkan oleh sesebuah masyarakat. Oleh itu, secara semantik, apa yang diketengahkan dalam sesebuah teks sastera merupakan simbol kepada perilaku-perilaku budaya khalayaknya. (1957: 168-170). Beliau berpendapat, semua elemen yang digambarkan dalam produk-produk kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan merupakan simbol-simbol yang hidup atau

berkembang dalam masyarakat yang dikaitkan dengan nilai, pemikiran, akal budi dan sebagainya (Goodenough, 1970: 76-77). Beliau turut menyimpulkan bahawa produk-produk kebudayaan dan kesenian yang dimiliki oleh sesebuah kelompok sosial ini, sebagai identiti khusus kepada kebudayaan sesebuah masyarakat yang berbeza dengan masyarakat lain, terutama aspek-aspek yang berkaitan dengan unsur bahasa, linguistik dan pola komunikasi. Goodenough memberi penekanan bahawa etnografi merupakan satu kaedah untuk memahami bagaimana sesebuah sesebuah bangsa atau kaum menghasilkan kebudayaan yang sangat berkait rapat dengan struktur sosio-ekonomi mereka. Keperluan-keperluan dalam bidang ini memunculkan konflik-konflik mental dan fizikal yang difiksyen oleh pengarang sebagai memenuhi tuntutan khayalnya.

Pembangunan ekonomi dan konflik-konflik sosial turut diketengahkan oleh Shahnnon dalam *Kemelut* (1977) yang memperlihatkan pembinaan kilang-kilang di sekitar kampung nelayan Kuala Indah Permai menjadi ancaman serta tidak memberi kesan ekonomi kepada pendudukan setempat. Kelas-kelas marginal Melayu yang diwakili oleh beberapa watak seperti Pak Mat dan Razali yang mendiami kampung tersebut yakin, kilang-kilang itu tidak akan memberi implikasi kepada para nelayan. Namun, tidak bermakna mereka menolak modenisasi yang boleh mempertingkatkan status ekonomi mereka;

Bila kelak kilang-kilang itu siap tentu kuala itu cerah secerahnya. Mereka tentu memasang lampu jenis besar sampai tumpu subuh. Barangkali kebisingan akan menguasai seluruh Kuala Indah Permai, tapi Pak Mat tidak gusar. Lama-lama kebisingan itu akan menjadi perkara biasa.

(Shahnnon Ahmad, 1977: 22-23).

Persoalan sosio-ekonomi digerakkan oleh Shahnnon melalui watak Razali yang mahu meningkatkan status ekonominya dengan menjadi nelayan laut dalam melalui pembelian bot serta enjin yang

lebih besar. Namun, kemiskinan mereka menjadi batu penghalang yang terbesar untuk mencapai cita-cita tersebut. Berdasarkan etnografi semantik, dapat difahami bagaimana Shanon mencipta produk budaya (novel) untuk memperkatakan satu kemelut antara kemiskinan yang dihadapi oleh kelas marginal Melayu yang terdiri para nelayan miskin dengan kelompok kapitalis (pemilik-pemilik kilang). Kemelut dan konflik tersebut dipertegaskan oleh Shanon melalui imej-imej teknologi dan tahap produktiviti yang tinggi berbanding dengan kelompok nelayan di Kuala Indah Permai yang hanya menggunakan bot-bot tradisional dan enjin kecil. Mereka juga tidak mendapat sebarang bantuan kerajaan. Malah, mereka diarahkan berpindah dan menukar profesi sebagai petani.

Realitinya, apa yang diketengahkan oleh Shanon dalam *Kemelut* merupakan satu krisis kemanusiaan akibat kerakusan kapitalisme dalam kehidupan perekonomian moden di Malaysia. Pada awal 1970-an, kilang-kilang yang dimiliki oleh para pemodal telah mencemari Kuala Juru sehingga hampir memusnahkan kegiatan perikanan dan perekonomian nelayan-nelayan kecil di situ. Kedudukan ini dalam perspektif etnografi semantik Goodenough dapat difahami sebagai penciptaan produk-produk budaya melalui pengumpulan data-data kognitif yang membentuk pandangan, cara berfikir, pandangan dunia dan perilaku masyarakat. Ia bererti gambaran naratif dan perilaku watak-watak dalam *Kemelut* merupakan satu pola kebudayaan yang berhubung dengan realiti sosio-ekonomi masyarakat Melayu.

Etnografi Psikososial

Istilah psikososial pertama kali diperkenalkan oleh Erik S. Erikson, seorang ahli psikologi yang mengkaji tentang tahap perkembangan emosi manusia. Menurut beliau, perkembangan keperibadian seseorang sangat dipengaruhi oleh pengalaman-pengalaman sosial sepanjang hidupnya (Erikson, 1964: 112-113). Proses inilah yang disebut oleh Erikson sebagai psikososial. Ia digunakan oleh Erikson untuk menjelaskan hubungan antara keadaan sosial seseorang dengan kesihatan mental atau emosi masing-masing. Dalam konteks

karya-karya Shahnnon, gejala ini sangat berhubung rapat dengan perilaku-perilaku budaya dengan keadaan sosial yang diwakili oleh watak-watak tertentu

Watak Su Usul dalam *Tunggul-tunggul Gerigis* (watak protagonis) misalnya, menjadi alat integral oleh Shahnnon untuk memperkatakan isu-isu sosial dalam masyarakat Melayu terutama berkaitan dengan aspek politik, perpaduan dan isu-isu psikososial. Melalui watak ini, Shahnnon cuba memperlihatkan ada konflik-konflik emosi dan internal yang berlaku dalam kalangan orang Melayu. Beliau menggunakan dialog/monolog dalaman antara Su Usul dan Goh (seekor lembu) sebagai ungkapan perasaan watak lelaki tersebut tentang ketelanjuran masyarakatnya yang hanyut dengan duniawi, melakukan penghinaan serta penindasan terhadap orang lain demi cita-cita politik mereka.

“Goh kita pulang dulu, kemudian aku akan turut bersama. Kau bertuah besar kerana lepas dari segala penghinaan yang kini sedang aku terima”

(Shahnnon Ahmad, 1989: 104).

Shahnnon telah mewujudkan satu keadaan psikososial pada watak Su Usul dengan gambaran lelaki tua tersebut yang kadangkadangkang normal atau sebaliknya kerana tertekan dengan masyarakat di sekelilingnya. Kemuncak daripada psikososial tersebut ialah Su Usul merelakan kematian cucunya, Bedul yang meninggal akibat dilanggar oleh lori balak Syarikat Merbau Holding:

Su Usul tersenyum lebar kerana Bedul mati budak. Dan tiba-tiba dia ketawa seorang diri melupakan kemurungan dan kegelapan yang tadi menyerangnya penuh kesesatan. Dia cucuku. Bedul ini cucuku yang baik. Dia pergi dulu tapi di sana banyak yang menunggunya dan tentu banyak yang meminta tolong darinya kerana Bedul dikasihi Allah.

(Shahnnon Ahmad, 1989: 161).

Kecelaruan emosi Su Usul disebabkan dia berada pada tahap kemuncak konflik psikososial akibat tekanan oleh sistem sosial yang berada di sekitarnya. Kecelaruan pada watak ini sangat berhubung rapat dengan elemen-elemen metaforikal kemarahan dan kebencian Shahnnon terhadap gejala sosial dan politik Malaysia ketika novel tersebut dikarang. Berdasarkan pandangan Goodenough, karya-karya sastera dalam konteks ini dapat difahami sebagai medium retorik oleh pengarang. Ia bermaksud, fakta-fakta psikososial pada watak Su Usul merupakan unsur budaya dan intelektual dari perspektif etnografi yang dibina oleh Shahnnon yang berkait rapat dengan realiti di sekitarnya.

Keadaan ini secara epistemologi memperlihatkan tidak ada perbezaan yang ketara antara etnografi dan sebuah novel. Etnografi lebih bersifat diskripsi yang bertujuan tidak menghasilkan gambaran yang tepat tentang dunia realiti. Ia hanya bertujuan memperlihatkan solidariti pelaku-pelaku budaya dan bentuk amalan budaya sesebuah etnik atau kumpulan manusia.

Disiplin etnografi sebenarnya hampir sama dengan sesebuah novel. Sebagai sebuah karya fiksiyen, elemen-elemen dramatik dan struktur naratif yang dibina tidak memberi gambaran sebenar realiti, sebaliknya ia sebuah dunia imajiner yang menggunakan data-data serta fakta realiti yang diolah kembali ke dalam wacana kreatif dengan tujuan-tujuan tertentu. Etnografi psikososial juga dapat ditemukan dalam novel *Terdedah* (1965) yang dikemukakan melalui watak Sharifah Shuhada, janda kaya yang kematian suami, Syed Mohsen dan Encik Adnan. Menerusi ketiga-tiga watak ini, Shahnnon membicarakan persoalan-persoalan psikososial dan kemanusiaan yang muncul dalam masyarakat Melayu.

Perilaku psikososial tiga watak ini diketengahkan melalui latar waktu selama satu malam yang diberi imej malam yang paling sial dalam kehidupan ketiga-tiganya. Sharifah Shuhada misalnya bermimpi menjadi isteri Menteri Besar yang dilambangkan melalui watak Encik Adnan. Sharifah Shuhada dan Encik Adnan dalam mimpi tersebut menerima penentangan oleh rakyat kerana sikap mereka yang immoral. Dalam pemahaman Sigmund Freud berdasarkan teori mimpinya, sesuatu yang menarik minat seseorang pada siang hari

dan belum dapat penuhi akan memberi impak kepada fikirannya dalam mimpi (Freud, 1997: 44-45). Menerusi mimpi Sharifah Shuhada tersebut, Shahnnon memberi gambaran bahawa pemimpin dan isterinya (Shuhada dan Encik Adnan) telah lalai menjalankan tanggungjawabnya kepada rakyat. Keadaan ini merupakan satu ketakutan Shahnnon sekiranya mimpi wanita tersebut menjadi kenyataan.

Ketakutan-ketakutan tersebut yang disampaikan melalui watak Sharifah Shuhada, Encik Adnan, Syed Mohsen, dan watak-watak pembantu iaitu Tijah, Hmid, Rohana dan Fakar. Dalam konteks etnografi semantik Goodenough dapat difahami bahawa produk budaya (novel) dicipta berdasarkan kententuan dan perilaku masyarakat yang sumber kepada pengkaryaan tersebut.

Goodenough (1961: 116) menegaskan bahawa budaya bukanlah sesuatu yang wujud dalam bentuk material atau benda, sebaliknya ia wujud dalam bentuk pemikiran, argumentasi, pandangan serta wacana. Produk-produk budaya seperti novel pula merupakan hasil daripada olahan elemen-elemen budaya tersebut. Menurut Goodenough, budaya yang ada dalam pemikiran manusia dapat diwujudkan dalam medium yang terorganisasi untuk disampaikan kepada anggota-anggota sosial seperti karya-karya sastera, produk-produk kesenian dan sebagainya. Dapat disimpulkan, beliau meletakkan budaya secara epistemologi sama seperti sebuah bahasa alat ideasional. Beliau melihat bahasa dan produk-produknya seperti sastera secara epistemologi merupakan satu sistem budaya yang menghimpunkan semua gagasan, idea, cita-cita dan keinginan seseorang pengarang untuk menyampaikan inspirasi khalayaknya yang menjadi tujuan pengkaryaan.

Setiap persoalan dalam karya-karya sastera yang dilontar serta diwacanakan oleh seseorang pengarang merupakan imej masyarakat yang terdiri dari elemen-elemen budaya yang diketahui, difahami, dilazimi dan dipercayai oleh anggota masyarakat tersebut (Goodenough, 1981: 76). Ia bererti, tema serta struktur naratif dalam sesebuah karya sastera harus merupakan unsur budaya khalayak tersebut.

Paparan psikososial oleh Shahnnon menerusi novel *Rentong* dan *Terdedah*, dalam konteks etnografi semantik Goodenough dapat difahami bahawa perilaku-perilaku setiap anggota masyarakat merupakan satu sistem pengetahuan atau sebagai bahagian sistem kognitif yang diterjemahkan sebagai produk budaya iaitu kedua-dua novel tersebut. Isu-su psikososial juga dapat ditemukan dalam *Seluang Menodak Baung* (1978) yang mengisahkan para penduduk miskin di Terenas yang terletak sekitar tiga batu dari Banggul Derdap (latar tempat dan latar sosial dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*). Mereka berusaha untuk keluar daripada kepompong kemiskinan tersebut dengan pelbagai cara. Namun, usaha-usaha tersebut terbentur oleh sistem kekuasaan dan pemodal-pemodal yang rakus. Konflik-konflik batin menjadi lumrah kepada manusia-manusia kelas marginal dan *subaltern* seperti watak Suman, pemuda yang berusia 17 tahun yang mahukan perubahan, terutama memiliki tanah sendiri.

Tak ada lagi rasa bimbang kalau pijak tanah sendiri. Di tepi dapurnya boleh dibuat reban yang agak besar...Suman begitu ingin mencangkul dan menggembur tanah sendiri itu. Ingin ditanamnya dengan apa sahaja yang boleh dimakan. Biar ada serba satu. Durian ada tiga pokok. Cempedak lima. Petai tiga. Nangka satu..Tanahnya tanah sendiri. Buahnya buah-buah sendiri. Bukan menumpang hak orang.

(Shahnnon Ahmad, 1978: 52).

Cita-cita untuk memiliki tanah sendiri yang mendesak dalam diri Suman itu sebenarnya bukan sesuatu yang mudah. Dia terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan dan kerenah birokrasi kerajaan serta sikap prejudis segelintir pegawai-pegawai yang terlibat dalam meluluskan permohonan tanah oleh kelas masyarakat sepertinya. Desakan dan kemarahan telah menimbulkan konflik serta tekanan emosi dalam diri Suman hingga menjurus kepada kebencian dan kemarahan terutama kepada

kelompok-kelompok masyarakat yang dipermudahkan oleh sistem birokrasi dalam permohonan kepemilikan tanah.

Dia dan keluarganya selama ingatan mampu terjangkau tak pernah merasai keenakan sedemikian rupa. Cerita Fatah tentang keenakan orang-orang besar dan orang-orang kaya di kota mendesing telinganya.

(Shahnon Ahmad, 1978: 55).

Penyataan-penyataan Shahnon melalui watak Suman yang mengalami psikososial tersebut dalam pemahaman etnografi semantik Goodenough merujuk kepada keupayaan membina produk-produk budaya sebagai pernyataan wacana intelektual yang berhubung rapat dengan kepentingan-kepentingan kelas marginal Melayu yang diwakilinya.

Etnografi Sosiopolitik

Sosiopolitik merujuk kepada isu-isu hubungan antara masyarakat dengan kekuasaan iaitu kelompok yang memerintah, menstruktur serta berfungsi sebagai pembuat keputusan. Kelompok kedua pula merupakan kumpulan yang diperintah yang menerima setiap keputusan tersebut berdasarkan peraturan yang digubal. Secara umumnya, sosiopolitik berhubung rapat dengan kajian sebab dan akibat sesebuah sistem sosial oleh pelaksanaan politik atau konflik-konflik sosial dan politik yang boleh membawa perubahan kepada sesebuah sistem kenegaraan atau sistem pemerintahan (Miriam Budiardjo, 2015: 405-407).

Bidang sosiopolitik juga merangkumi aspek-aspek yang lebih rumit seperti perilaku-perilaku budaya yang berhubung rapat dengan struktur sosial, ideologi dan aspek-aspek yang berkaitan ras, kelas-kelas masyarakat, gender, bangsa, kekuasaan negara, tekanan, kekuatan serta perundangan (Marshall, 1998: 224-225). Isu-isu hubungan serta konflik sosiopolitik ini turut dikemukakan oleh Shahnon menerusi beberapa novel awalnya seperti *Patriarch*

(1991) dan *Iguan* (1996). *Patriarch* misalnya merupakan satu protes sosiopolitik Shahnnon terhadap situasi politik semasa negara yang disampaikan dengan nada kemarahan, kebencian dan kritikan terhadap pemimpin yang tidak adil serta menindas dari perspektif beliau. Watak Patriach digambarkan sebagai pemimpin yang zalim, tidak adil, pembohong dan pelbagai pandangan negatif. Pada masa yang sama, beliau mewujudkan watak-watak marginal yang begitu membenci dan marah terhadap pemimpin mereka.

Pemikiran Shahnnon tertumpu kepada dua kelas sosial yang berkonflik iaitu elit birokrasi yang diwakili oleh Patriarch dan kelas-kelas marginal Melayu yang sering menjadi mangsa kepada dasar-dasar politik kelompok kekuasaan tersebut. Kelas-kelas marginal dalam novel ini diwakili oleh watak Pak Hamad dan Mak Lebar (petani), Wak Da (pekerja ladang kelapa sawit), Mek Besah (peniaga kecil), Budin (anak muda), Jusuh Hitam dan Adi Tumpang (golongan seni) dan penduduk-penduduk kampung Teloi Tua. Konflik timbul kerana sikap-sikap negatif Patriarch apabila dipilih menjadi pemimpin negara Belantara dengan melakukan pelbagai keburukan terhadap rakyatnya hingga menimbulkan kemarahan serta kebencian yang menebal seperti digambarkan melalui keluhan Mek Besah:

“Mengapa Patriarch menjadi begitu cepat ganas dan buas? Mengapa tidak lagi berjuang untuk mati dan hidup bersama rakyat? Ini adalah pembohongan yang maha besar, putar belit yang maha hebat liku-liku dan selekohnya...Mengapa keparat itu bohong? Mengapa keparat itu mungkir janji dan melanggar sumpahnya? Mengapa Patriarch yang disanjung rakyat itu sekarang berpaling dan menentang kemahuan rakyat?”

(Shahnnon Ahmad, 1996: 213).

Shahnnon telah mewujudkan tesis dan antitesis terhadap perkembangan negara Belantara, kedudukan Patriarch dan rakyat marginal. Kesilapan rakyat yang memilih dan melantik Patriarch

sebagai pemimpin menjadi tesis kepada tema utama novel ini. Kekecewaan mereka terhadap pemimpin itu pula merupakan antitesis yang berhubung rapat dengan pemahaman pengarang terhadap politik negara. Tesis dan antitesis yang dibina oleh Shahnnon dalam novel *Patriarch* tersebut dapat difahami sebagai unsur intelektual yang dimuatkan dalam produk budaya (novel) yang dihasilkan sesuai dengan perilaku-perilaku budaya masyarakat yang menjadi subjek kepada pembinaan latar sosial *Patriarch* (Ooi Eng Lye, 2005:324).

Inti kepada pemikiran Shahnnon dalam memperkatakan aspek sosiopolitik ini melalui pembentukan tesis dan antitesis yang digerakkan melalui bahasa. Ia bermakna, elemen-elemen bahasa digunakan untuk mewujudkan satu perspektif tentang politik Melayu. Berdasarkan pemahaman Goodenough bahasa dan budaya memiliki persamaan yang sangat rapat (Goodenough, 1957: 116-117). Struktur yang ada dalam sesebuah budaya, juga terdapat dalam sebuah bahasa. Persamaan ini menyebabkan di dalam kajian-kajian budaya turut dapat ditemukan konsep *parole*, *langue*, emik (*emic*) dan etik (*etic*), fonologi, semantik, sintaksis dan metafora. Kedudukan ini menyebabkan Goodenough mengemukakan kesimpulan bahawa budaya dan bahasa merupakan dua entiti yang membentuk sistem intelektual serta perilaku-perilaku budaya sesebuah kelompok masyarakat.

Shahnnon turut menghasilkan *Iguan dan Cerita-Cerita Lain* yang memuatkan tiga novela yang terdiri daripada "Iguan", "Pokok" dan "Dongeng Hujan dan Kuda" yang mengangkat isu-isu kepimpinan politik, kekuasaan dan kedudukan rakyat. Kekuasaan tertinggi dipegang oleh pemimpin bergelar Paduka Negara (PNM) dan Kuda Tua yang tamak, zalim serta menindas. Kekuasaan yang dimiliki digunakan untuk menghapuskan semua penentang-penentangannya, selain mengawal pelbagai institusi negara termasuk berkaitan urusan-urusan keagamaan.

Sama seperti kisah *Patriarch*, kehidupan PNM juga berakhir dengan kematian dengan meninggalkan aib yang besar apabila terbongkar pelbagai gejala negatif yang dilakukan sewaktu beliau masih hidup. Ia terbongkar apabila tidak ada acara keagamaan

seperti bacaan al-Quran, sebaliknya disambut dengan acara-acara hiburan serta maksiat terutama oleh golongan muda-mudi di seluruh negara. Paduka Raja diumpamakan “siapa menabur angin akan menuai badai” apabila gejala-gejala sosial yang membiak ketika pemerintahannya telah merosak sikap dan pemikiran rakyatnya hingga kematiannya hanya diiringi dengan kemaksiatan:

Setiap keraian seharusnya setaraf dan seimbang dan seimbang dengan khidmat bakti yang pernah dicurahkan oleh PMN sewaktu dia berkuasa dulu. Kalau falsafah maju negara itu selaras dengan banyaknya rogolan, dadah, lepak, bohsia, rasuah, maruah kerdil dan manusia anjing jilatan, maka majlis pun jangan jauh lari dari matalamat itu...

(Shahnon Ahmad, 1996: 45-46).

Persoalan kerakusan dan kezaliman tokoh-tokoh politik turut diketengahkan oleh Shahnon melalui watak Kuda Tua dalam “Dongeng Hujan dan Kuda”, yang mementingkan kronisme dan kekayaan peribadi hingga setiap projek pembangunan negara harus mengambil kira pulangan kepada diri sendiri serta kroni-kroninya. Kesan daripada kebijaksanaan tersebut telah memunculkan gejala-gejala sosial dan implikasi negatif terhadap negara.

Bukan sahaja jumlah jutawan bertambah setiap hari, tetapi jumlah perogol itu bertambah juga. Ini yang menariknya itu. Dan kategori perogol itu pula bukan lagi kategori biasa tetapi sudah menjangkau yang luar biasa dan ada yang tak terbiasa pun. Banyaknya bapa rogol anak, nenek rogol cucu, pemimpin rogol yang dipimpin, anak rogol emak.

(Shahnon Ahmad, 1996: 245).

Watak Patriarch, PNM, Kuda Tua dan imej-imej kebencian Shahnon terhadap sistem politik disekitarnya seperti yang diungkapkan dalam novel *Shit* (1999) dan *Muntah* (2000)

merupakan elemen-elemen budaya yang dicipta oleh Shanon berasaskan gambaran sosiopolitik yang ada disekitarnya. Dalam konteks etnografi semantik, Goodenough menekankan perlunya gambaran satu struktur kebudayaan yang tepat yang berkaitan interaksi sosial untuk menghasilkan satu produk budaya yang mampu mencerminkan intelektualiti sesebuah kelompok masyarakat. Keupayaan Shanon mencipta watak-watak imajiner dalam novel-novel tersebut yang dikaitkan dengan isu-isu sosiopolitik di sekitarnya dapat difahami dari perspektif etnografi sebagai produk-produk budaya yang memberi gambaran jelas tentang perilaku-perilaku budaya kelompok-kelompok sosial tertentu. Ia tidak hanya melibatkan elit-elit birokrasi atau elit politik, tetapi juga kelas-kelas marginal Melayu yang mewakili sebahagian daripada rakyat negara ini yang menjadi latar tempat dalam novel-novel tersebut.

KESIMPULAN

Sastera merupakan salah satu produk budaya tentang sesebuah masyarakat yang memuatkan perilaku-perilaku budaya, elemen kognitif, persoalan politik, ekonomi dan sosial. Secara langsung, genre ini menjadi sebahagian daripada dokumen yang digunakan oleh seseorang pengarang untuk 'mencatat' semua persoalan yang berkembang dalam masyarakatnya, selain menjadi medium kepada kepentingan-kepentingan lain seperti perjuangan kelas, kritikan sosial dan sebagainya. Dalam konteks novel-novel Shanon Ahmad, karya-karya beliau juga memiliki fungsi yang sama dengan tujuan penulisan sesebuah karya sastera iaitu sebagai makna objektif, makna ekspresif dan makna dokumentari. Ertinya, Novel-novel beliau mewakili aspek tujuan, ekspresi dan pendokumentasian isu-isu tertentu yang berkembang dalam masyarakatnya.

Berdasarkan perspektif etnografi semantik, isu-isu yang digambarkan oleh Shanon tersebut merupakan perilaku-perilaku budaya yang berkembang dalam kelompok masyarakat tertentu yang menjadi latar sosial kepada penciptaan karya-karya tersebut. Novel-novel (termasuk kesemua karyanya dalam semua genre) pula

merupakan produk-produk budaya yang mencerminkan perilaku-perilaku tersebut yang berhubung erat dengan isu sosioekonomi, sosiopolitik dan gejala-gejala psikososial. Berdasarkan pendekatan etnografi semantik Goodenough, dapat diteliti dengan lengkap perilaku-perilaku budaya masyarakat Melayu yang menjadi fokus kepada Shanon dalam novel-novel tersebut berkaitan isu ekonomi, politik dan sosial.

Bahasa yang menjadi unsur terpenting dalam sesebuah garapan karya kreatif dalam perspektif etnografi semantik adalah sebahagian daripada perilaku budaya seseorang pengarang dan khalayak yang diwakilinya. Oleh itu, membaca novel-novel Shanon bererti membuka helaian-helaian dokumentari tentang budaya masyarakat Melayu tanpa mengira status sosial, ekonomi mahupun politik.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. (1994). *Linguistik umum*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Erikson, Erik S. (1994). *Insight and responbility: Lectures on ethical implication of psychoanalytic insight*. New York & London: W.W Norton & Compony.
- Freud, Sigmund. (1997). *The interpretation of dream*. Hertfordshire: Wordsworth.
- Goodenough, Ward H. (1957). *Cultural anthropology and linguistic*. Washington DC: Georgetown University.
- Goodenough, Ward H. (1961). *Comment on cultural evolution*. Washinton DC: Daedalus.
- Goodenough, Ward H. (1981). "Theories of culture". Dalam Cason, Ronald (ed.). *Language, culture and cognition*. London: Macmillan.
- Handler, Richards. (1985). "On dialogue and destructive analysis: problems in naratting nationalism and ethnicity". Dalam *Journal of Anthropological Research*. London: Tavistock.
- Hymes, Dell. (1974). *Foundations in sociolinguistic: an ethnographic approach*. Pennsylvania: University of Pensnylavaniania.

- Keesing, Roger M. (1989). *Cultural anthropology: a contemporary perspective*. New York: Rinehart & Winston.
- LeCompte, Margaret D. & Schensul, Jean J. (1999). *Disigning and conducting ethnographic research: An introduction*. Lanham, New York, Toronto & Plymouth: Rowman & Littlefield Publisher.
- Manheim, Karl. (1986). *Essays on sociology of culture*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Marshall, Gordon. (1998). *Dictionary of sociology*. Oxford: Oxford University Press.
- Miriam Budiardjo. (2015). *Dasar-dasar ilmu politik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Moore, Henrietta L. (1999). *Anthropological theory today*. Malden: Blackwell Publisher.
- Ooi Eng Lye. (2005). *Novel terpilih Shahnnon Ahmad satu kajian pendekatan gender*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad. (1965). *Rentong*. Melaka: Penerbitan Abbas Bandung.
- Shahnnon Ahmad. (1965). *Terdedah*. Melaka: Penerbitan Abbas Bandung.
- Shahnnon Ahmad. (1966). *Ranjau sepanjang jalan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Shahnnon Ahmad. (1974). *Srengenge*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad. (1977). *Kemelut*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Shahnnon Ahmad. (1978). *Seluang menodak baung*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Ltd.
- Shahnnon Ahmad. (1989). *Tunggul-tunggul gerigis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad. (1991). *Patriarch*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad. (1996). *Igauan dan cerita-cerita lain*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti.

- Spradley, James P. (1979). *The ethnographic interview*. New York: Harcourt Brace Jovanovich College Publisher.
- Sturtevant, William C. (1964). " *Studies in Ethnoscience*". *American Anthropologist*. Bil.66, Isu 3. San Jose: American Anthropologist Association.
- Van Luxemburg, Jan, Bal, Mieke & Weststeijn, Willem G. (1989). *Pengantar ilmu sastra*. (terjemahan Dick Hartoko). Jakarta: PT Gramedia.
- Umar Junus. (2005). " *Rentong*, Shahnnon Ahmad". Dalam Hamzah Hamdani & Zeti Aktar Jaafar (ed.). *Shahnnon Ahmad dalam esei dan kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.